

02/01/2005

Seorang Sexagenarian & Lensa Tahun Baru

By Ha-Syiqin

KLIK! Kartus filem berputar melintangi satah mengikut bingkainya buat kali terakhir. Warna-warni dan kemeriahan warga umulbuldan menyambut kedatangan tahun baru berjaya dirakamkan.

Jari telunjuk Nik Rosli sigap menekan tuas majuan filem di bahagian kanan kameranya. Serentak itu, kartus filem berputar lagi. Kali ini menggulung kembali filem yang telah dirobek kehormatannya - terdedah kepada sinar cahaya halus yang disatukan pada satah filem. Nik Rosli puas. Bibir kocernya mengukir senyum.

Kartus filem berhenti berputar. Kamera disarungkan. Beg digalas. Nik Rosli mendugas menuju ke arah keretanya.

Proton Waja rona perak dipacu perlahan. Jalan raya macet dengan kenderaan. Sepanjang perjalanan, ekor matanya tidak henti-henti memerhati keseronokan warga umulbuldan menyambut kedatangan tahun baru. Hampir semua restoran dan kafeteria yang mendereti jalan-jalan utama tidak putus-putus menerima kunjungan pelanggan. Gelap malam kian memekat namun malam masih muda. Itu prinsip rapuh yang dipegang sali warga umulbuldan.

Brek kereta ditekan penuh kecekatan. Nik Rosli kini berada di hadapan Editorial Unggul Sdn. Bhd. Kakinya pantas mengatur langkah, menerobos masuk ke perut syarikat editorial yang tersohor itu.

Khali. Dalam bilik yang zulmat sepenuhnya, filem itu dikeluarkan dari kartus. Kehormatannya dirobek lagi setelah dimasukkan ke dalam bahan kimia khas yang digunakan sebagai bahan pencuci. Filem itu kemudiannya dinoda lagi apabila Nik Rosli memasukkannya ke dalam bahan pengikat. Cecair bahan pengikat amat mulia hatinya kerana melindungi gambar dari cahaya.

Prosedur mencuci gambar diikuti dengan mencuci filem di dalam air bersih dan digantungkan untuk dikeringkan. Nik Rosli amat menghargai sangkala. Dia tidak mahu terus duduk menumpil dagu - menunggu filem sehingga kering. Kembali ke biliknya, dia mengamati kembali secara tuntas koleksi foto yang diambilnya sejak bertugas di editorial itu.

Nik Rosli memang hebat. Hampir semua foto yang diambilnya berjaya menggandakan jumlah pembaca akhbar Warta Unggul. Atas dasar itulah dia kenyang dengan pujian daripada orang atasan yang menimbulkan rasa resan di kalangan rakannya.

Setengah dasawarsa yang lalu, Nik Rosli berjaya mencaduk namanya setelah memilih kecanggihan teknologi Litar Antarabangsa Sepang sebagai bahan rakaman fotonya. Foto berkenaan menyingkap cetusan idea Tun Dr Mahathir Mohamad selepas mantan Perdana Menteri itu menyaksikan perlumbaan F1 di Litar Estoril, Portugal pada tahun 1996. Foto itu kemudiannya diiktiraf sebagai 'Rakaman Fotografi Terbaik' sempena Anugerah Penerbitan & Kewartawanan Editorial Unggul Sdn. Bhd. untuk tahun itu. Litar Sepang sepanjang 5.542 kilometer yang menelan belanja sebanyak RM286 juta itu bangga metah apabila menjadi tumpuan lensa paparazzi antarabangsa setelah dinobatkan sebagai litar tercantik dan terancang di dunia.

Nik Rosli turut berbangga bila mana foto tersebut menjadi batu loncatan baginya setelah diberi peluang menyandang jawatan sebagai presidium di unit fotografi. Waktu itu dia baru bertugas di editorial itu selama ragan purnama. Dan bermula dari detik itulah dia dicemburui oleh rakan-rakannya yang telah lama menghambakan diri dan kudrat mereka di editorial itu. Nik Rosli tiada peduli. Dia terus aktif menghasilkan foto-foto eksklusif sekalipun usianya semakin meniti senja. Namun pihak editorial amat mementingkan angka kualiti yang dihasilkan oleh Nik Rosli tanpa mengambil

peduli angka usianya yang kian bertambah. Dia umpama aset berharga bagi editorial itu.

Foto terakhir selesai diamati. Nik Rosli menutup album himpunan foto eksklusif itu. Dia bergegas mendapatkan kembali filem yang telah dicuci. Suis lampu dipetik. Indera penglihatannya kini tertumpu ke arah gambar negatif yang terhasil dalam tona yang berbalik. Objek-objek putih kelihatan hitam manakala objek-objek hitam kelihatan putih.

Nik Rosli bersedia untuk prosedur terakhir sebelum gambar yang sebenar muncul. Negatif tadi diletakkan di atas sekeping kertas fotograf yang bertindak sebagai filem juga. Suatu cahaya dipasang selama beberapa saat dan kemudian ditutup. Kertas itu kemudiannya dicuci dalam jenis bahan yang sama. Semua tona menjadi normal. Cetakan terakhir - positif, siap sepenuhnya.

"Tidak!" Jeritan yang agak kuat dilontarkan dari peti suaranya. Keadaan sekeliling diperhatikan melalui dinding kaca biliknya. Lengah. Rakan-rakannya yang lain sudah beredar. Mungkin mereka menghantar artikel dan foto masing-masing ke unit percetakan.

Gharib. Nik Rosli tergegau dan terpisat-pisat. Dia bagaikan tidak percaya dengan apa yang dilihatnya. Rasa bingung mula menjeru. Foto kemeriahan malam tahun baru tiada langsung kelihatan, sebaliknya gambar sekelompok remaja yang sedang asyik menari di sebuah kelab malam pula yang muncul.

+ Mustahil! Aku tak ambil pun gambar ni. Bagaimana pula gambar ni tercetak? (Nik Rosli kehairanan)

- Ya, memang kau tak ambil pun gambar ni.

+ Siapa kau? Dari mana kau datang? Apa yang kau mahu?

- Kau tak perlu tahu semua itu. Aku ke sini dengan satu tujuan.

+ Apa tujuan kau?

- Aku mahu kau robekkan kepalsuan yang merajai hidup ini. Dedahkan kebenaran dan hakikat yang sebenar. Kharabkan segera kepura-puraan!

+ Bagaimana?

- Mudah sahaja. Bukankah kau seorang jurufoto yang hebat? Paparkan kebenaran melalui lensa kamera kau, melalui foto-foto kau. Tunjukkan tanggungjawab kau yang sebenar sebagai seorang jurufoto!

Nik Rosli terkesima. Dia tidak pasti adakah dia perlu menurut kemahuan suara misteri itu. Atau adakah tindakannya itu nanti bakal mengundang kekhilafan buat kerjayanya?

- Lihat foto ini. Memang sambutan tahun baru yang kau katakan itu cukup meriah. Anak-anak muda ini turut menyambutnya dengan penuh kemeriahan. Tetapi mereka menyambutnya bersama gelas yang dipenuhi dengan minuman haram milik syaitan itu. Minuman yang memabukkan, melumpuhkan kewarasan mereka. Dan minuman haram itu tidak bersendirian. Anak-anak muda ini turut memilih ecstasy dan lain-lain pil khayal menemani mereka menyambut tahun baru. Dengan keadaan separuh sedar, mereka rancak menari mengikut alunan muzik tanpa menghiraukan siapa pasangan mereka. Ya, memang meriah. Sekarang kau lihat foto ini pula.

+ Ini gambar di mana pula?

- Ini gambar di sebuah lorong kecil. Lorong ini berhampiran dengan dataran sambutan malam tahun baru itu. Lihat. Penagih-penagih dadah masih bebas, menjajah kawasan yang tiada perhatian khusus dari pihak berkuasa. Pihak yang memandang enteng masalah ini. Pihak yang tidak serius membasmi gejala yang membawa imej buruk kepada negara. Penagih-penagih tersebut terus menjadi hamba. Hamba kepada kokain, heroin, madat dan morfin yang turut diedarkan secara berleluasa.

(Nik Rosli tertunduk. Seribu rasa kesal terlukis di raut wajahnya.)

- Lorong ini juga menjadi tumpuan sekumpulan anak muda yang angkuh menggelarkan diri mereka pengikut punk dan skin head - adunan budaya dari

Barat. Mereka bukan sekadar melepak mensia-siakan usia muda, malah bertindak ekstrim apabila memakan sisa-sisa makanan yang dibuang di belakang restoran-restoran. Apakah hilang sudah kewarasan mental serta akhlak dan moral mereka dengan mengamalkan `ritual' yang dianggap agung dalam budaya mereka itu? Bangga? Bangga merencanakan kepada semua kononnya kebuluran berlaku di negara sendiri. Negara yang kaya dengan pelbagai rezeki makanan? Atau negara yang hanya kaya dengan kemiskinan? Kaya dengan kemiskinan akhlak, sahsiah dan budaya? Gilakah mereka?

(Suara bernada lebih keras, memarah duri-duri bicara ke arah serebrum Nik Rosli).

Nik Rosli terus terpaku. Membuat sesuatu pertimbangan bukanlah perkara yang mudah baginya. Butir-butir perkataan Suara dikaji semula.

`Seorang' demi `seorang' sahabat Suara datang bertandang. Selamat datang saudara Retrospektif. Jemput masuk Tuan Introspeksi. Ada motivasi yang ingin disampaikan hari inikah? Silalah mulakan. Saya Suara dan akan bertindak sebagai pengerusi manakala tuan berdua akan menjadi ahli panelnya. Oh ya, kita ada Encik Nik Rosli, penonton tunggal yang sedia mendengar. Beliau seorang jurufoto yang hebat dari Editorial Unggul Sdn. Bhd. Apa topik motivasi hari ini agaknya, ya?

"Wah, cantik sungguh gambar-gambar yang kamu ambil ni, Nik!" puji Hanafi. Editor Warta Unggul itu segak berkacak di muka pintu apabila muncul secara tiba-tiba.

Nik Rosli tersentak.

"Mengapa tidak dihantarkan lagi gambar-gambar ini ke unit percetakan? Rakan-rakan kamu yang lain sudah berbuat demikian. Cepat! Warta Unggul edisi tahun baru esok akan dicetak sebentar lagi!"

Nik Rosli masih membisu.

"Saya pasti akhbar kita untuk edisi esok akan laris. Saya akan pastikan gambar sambutan tahun baru yang kamu ambil ini dicetak untuk halaman pertama dan untuk ruangan `Lensa Unggul'. Saya pulang dahulu. Dah lewat ni." Lelaki itu meninggalkan Nik Rosli yang masih lagi kebingungan.

Kalap. Nik Rosli semakin kehairanan apabila suasana sambutan malam tahun baru yang dirakamkannya itu terhasil dengan begitu cantik sekali. Pekat malam yang diwarnai dengan percikan bunga api cukup harmoni.

Mentari 1 Januari menjelang sudah. Sekali lagi, Nik Rosli mendapat pujian atas kejayaan fotonya yang berjaya meraih minat pembaca. Namun pujian kali ini tidak mampu membuatkan hatinya galik.

Nik Rosli menghampiri kameranya. Dikeluarkan lensa yang banyak merakamkan foto-foto eksklusif yang telah mencaduk namanya. Lensa yang terlalu banyak berjasa kepadanya. Dia tahu keputusannya untuk merakamkan erti kehidupan yang sebenar - penuh kebenaran; akan mendapat bantahan dari pihak editorial. Dia tahu pihak editorial masih memerlukan khidmatnya untuk merakamkan foto-foto eksklusif seperti yang pernah dirakamkannya sebelum ini atas nama keuntungan.

Surat peletakan jawatan digenggam erat. Nik Rosli menggantikan kameranya dengan lensa yang baru. Lensa tahun baru yang akan merungkai makhfi kebenaran yang tersembunyi. Dia yakin bahawa dia mampu berjaya sungguhpun hanya bergelar jurufoto persendirian. Dia yakin inilah hadiah hari lahir yang terbaik buat dirinya. Hadiah yang cukup istimewa buatnya setelah bergelar seorang sexagenarian.

Glosari

sexagenarian - seseorang yang usianya antara 60-69 tahun

kartus - gelung

umulbuldan - ibu kota

(END)